



Anwar dan Syed Hussian (dua dari kiri) bersama warga AIM di Kolej Universiti Tati, Kemaman, malam kelmarin.

(Foto Ghazali Kori/BH)

AIM komited noktahkan kemiskinan tegar

Kerajaan Perpaduan optimis dalam usaha menoktahkan isu kemiskinan di negara ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, beliau bersama barisan Kabinet parti gabungan tidak akan duduk diam demi merealisasikan hasrat itu.

Menurutnya, Kerajaan Perpaduan melaksanakan pelbagai usaha membantu penduduk miskin termasuk petani, peneroka yang kebanyakan adalah orang Melayu.

“Apa yang kita buat, hutang peneroka FELDA kita selesaikan, harga getah dua kali kita naikkan sehingga RM3 sekilogram, Sumbangan Tunai Rahmah (STR)

dan sebagainya.

“Kita juga membantu dengan meluluskan peruntukan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) RM100 juta untuk faedah orang miskin dan keluarga AIM,” katanya ketika berucap pada Kenduri Rakyat bersama Perdana Menteri di Kolej Universiti Tati (TATIUC) di Teluk Kalong, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pemegang AIM yang juga Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunied.

Anwar berkata, kerajaan terdahulu langsung tidak membantu AIM dalam menoktahkan kemiskinan tegar, terutamanya dalam

kalangan masyarakat Melayu dan Islam.

“Ramai orang boleh bercakap tentang nak tolong Melayu dan hendak menjaga Islam, sedangkan masa berkuasa tidak pernah membantu.

“Masa berkuasa, mengapa AIM langsung tidak dapat peruntukan beberapa tahun sebelum ini.

“Sedangkan saudara saudara lebih maklum ada usaha tambahan untuk mengurangkan beban orang miskin terutamanya majoriti orang Melayu,” katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, kerjasama rapat daripada pelbagai agensi termasuk Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

(KKDW) bersama AIM mampu menoktahkan kemiskinan tegar di negara ini.

Katanya, beliau akan bincang dengan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi dan agensi lain termasuk FELDA, MARA bagi mencari jalan bagi tujuan itu.

“Gabungan agensi itu perlu dilakukan supaya tidak berlaku pertindihan dalam memastikan sifar kemiskinan.

“Saya juga mahu AIM menjadi ‘gergasi’ dalam membasmi kemiskinan. Bagaimanapun, pengurusan AIM perlu lebih cermat, cekap dan setiap sen yang dibelanjakan akan dipertanggungjawab,” katanya.